



KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI
TUN HUSSEIN ONN

PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2004/2005


NAMA MATA PELAJARAN : TEKNOLOGI PENDIDIKAN
KOD MATA PELAJARAN : BBE 1043
KURSUS : SARJANA MUDA PENDIDIKAN
TEKNIKAL
TARIKH PEPERIKSAAN : OKTOBER 2004
JANGKA MASA : 2 JAM
ARAHAN : JAWAB **EMPAT (4)** SOALAN
SAHAJA DARIPADA ENAM (6)
SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI ENAM (5) MUKA SURAT

- S1 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan rekabentuk pengajaran?
(4 markah)
- (b) Senaraikan langkah-langkah dalam Model ASSURE.
(6 markah)
- (c) Anda bercadang mengajar tajuk 'Tekanan' subjek Fizik Tingkatan 4. Sesi pengajaran yang anda bakal kendalikan adalah selama 1 jam. Berdasarkan Model ASSURE, kemukakan rancang pengajaran tersebut.
(15 markah)
- S2 (a) Senaraikan lima (5) contoh instruksi berasaskan komputer.
(5 markah)
- (b) Bincangkan halangan-halangan dalam pelaksanaan pembelajaran berasaskan komputer.
(10 markah)
- (c) Huraikan langkah-langkah bagi pendaftaran pelajar secara berkumpulan dalam e-ilmu KUiTTHO.
(10 markah)
- S3 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan media bukan tayang?
Bilakah media bukan tayang paling sesuai digunakan dalam pengajaran?
(5 markah)
- (b) Huraikan tindakan yang perlu dilakukan supaya pengajaran menggunakan objek sebenar dapat dikendalikan dengan jayanya.
(10 markah)
- (c) Bincangkan kelebihan dan kekurangan penggunaan imej pegun dalam pengajaran. Apakah yang perlu dilakukan supaya pengajaran dengan imej pegun dapat mencapai objektifnya.
(10 markah)

- S4 (a) Namakan bahagian-bahagian kamera video berlebel A, B, C, D dan E seperti di rajah S4.

(5 markah)




Rajah S4

- b) Nyatakan fungsi setiap bahagian yang dinyatakan dalam S4 (a) di atas.
(5 markah)
- c) Semasa kemunculannya, teknologi video diramal berupaya mengubah kelaziman proses pengajaran dan pembelajaran. Sungguhpun demikian, jangkaan tersebut tidak berlaku. Bincangkan mengapa video 'gagal' memenuhi jangkaan tinggi dunia pendidikan terhadapnya.

(15 markah)

- S5 (a) Namakan bahagian-bahagian kamera berlabel di bawah. (5 markah)



Rajah S5

- (b) Nyatakan fungsi setiap bahagian yang dinyatakan dalam soalan S5 (a) di atas. (5 markah)
- (c) Apakah kelebihan dan kekurangan menyediakan alat bahan bantu mengajar menggunakan kamera? (15 markah)

- S6 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan grafik digital 'bitmap'?
Senaraikan tiga cara, grafik digital bitmap dihasilkan. (5 markah)
- (b) Apakah kelebihan dan kelemahan penggunaan grafik digital 'bitmap'? (7 markah)
- (c) Apa yang dimaksudkan dengan kedalaman warna? (3 markah)
- (d) Senaraikan lima format fail imej 'bitmap'. (5 markah)
- (e) Kirakan saiz imej 'bitmap' yang mempunyai kedalaman warna 256, dan saiz fail 307 200 bit. (5 markah)